

Universiti akan diwujudkan di Sabah

Sabah Times 25/3/1994

PETĀLING JAYA, Khamis — Kerajaan akan menubuhkan sebuah universiti di Sabah seperti yang dijanjikan pada pilihan raya negeri itu bulan lepas, kata Menteri Pendidikan, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud, hari ini.

Katanya, beliau telah mengarahkan para pegawainya menyediakan segala persiapan yang perlu untuk tujuan itu termasuk mengenal pasti tapak.

Kajian akan dibuat sama ada sebuah universiti yang baru atau cawangan universiti yang sedia ada akan ditubuhkan di sana,

katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pesta Pendidikan Star, di Dewan Sivik, di sini.

Beliau berkata, Kerajaan akan patuh pada janji-janji yang dibuat dalam manifesto pilihan rayanya. Ketika ini, Sabah mempunyai cawangan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

"Kerajaan tidak akan menghadapi masalah untuk menubuhkan universiti di sana kerana sudah mempunyai pengalaman semasa menubuhkan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas).

Ketika berucap di majlis itu, Dr Sulaiman

berkata, pihaknya akan mengambil tindakan ke atas institusi-institusi pendidikan swasta yang mengadakan kursus atau program universiti berkembar dengan universiti luar negeri tanpa kelulusan kementerian.

"Saya dengar khabar-khabar adanya kes seumpama itu berlaku dan kementerian sedang menyiasat," katanya.

Beliau berkata, segala memorandum persefahaman berhubung dengan program universiti berkembar hendaklah dirujuk kepada kementerian terlebih dahulu sebelum ditandatangani.

